

**FAQ - Ikhlas Medic Assist Takaful Plan (IMAT)**

1. Berapakah had usia kemasukan bagi menyertai pelan ini?  
**30 hari sehingga 60 tahun, pembaharuan sehingga umur 70 tahun.**
2. Berapakah jumlah sumbangan minimum / maksimum bagi menyertai pelan ini?  
**Minima - RM 257 dan maksima – RM 5,015 tidak termasuk duti setem sebanyak RM 10.**
3. Sekiranya seorang ketua keluarga menyertai pelan ini, adakah pelan ini melindungi seluruh ahli keluarganya?  
**Tidak, pelan ini hanya melindungi ketua keluarga sahaja. Sekiranya ketua keluarga ingin melindungi seluruh keluarganya, maka mereka perlu mengambil pelan ini setiap seorang.**
4. Apakah kelebihan pelan IMATP ini berbanding dengan pelan yang seumpamanya di dalam pasaran?  
**Kelebihan pelan IMATP ini ialah tiada fasal penyakit khusus yang mengecualikan perlindungan untuk tempoh tertentu serta pembaharuan pelan yang dijamin.**
5. Apakah manfaat perlindungan yang boleh diperolehi daripada pelan ini?  
**Bantuan kemasukan ke hospital dan pembedahan merupakan manfaat perlindungan yang boleh diperolehi melalui pelan ini.**
6. Adakah pelan ini perlu diperbaharui setiap tahun ataupun ianya berkuatkuasa secara berterusan sehingga tamat tempoh polisi?  
**Ya, pelan ini boleh diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada kemahuan peserta.**
7. Adakah perlindungan manfaat ini melindungi peserta jika berlaku kemasukan ke hospital di luar Malaysia?  
**Ya, selagi mana tidak melebihi tempoh 90 hari berada diluar negara.**
8. Apakah yang dimaksudkan dengan ketiadaan perlindungan akibat penyakit sedia ada di dalam pelan ini?  
**Peserta telah pun mendapat penyakit atau sedang menerima rawatan seperti contoh kegagalan buah pinggang sebelum menyertai pelan ini. Jika pesakit dimasukkan ke dalam hospital di sebabkan penyakit ini, maka pihak syarikat tidak akan membuat sebarang perlindungan.**
9. Adakah sebarang had tuntutan yang dikenakan bagi setiap manfaat perlindungan yang terdapat di dalam pelan ini?  
**Ya, ia tertakluk kepada had tahunan dan had tuntutan keseluruhan daripada pelan manfaat yang dipilih oleh peserta.**
10. Siapakah pihak ketiga Third Party Administrator (TPA) yang menguruskan sebarang urusan pentadbiran bagi kemasukan hospital bagi pelan ini?  
**Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd.**
11. Adakah terdapat sebarang pengecualian bagi bakal peserta yang ingin mendapatkan pelan ini?  
**Tidak ada sebarang pengecualian yang dikenakan kepada bakal peserta yang ingin mendapatkan pelan ini, walaubagaimanapun ia tertakluk kepada pengecualian yang ada di dalam pelan ini.**

12. Bagaimana seorang peserta baru ingin memohon pelan IMATP ini?  
**Seorang peserta yang baru yang ingin menyertai pelan ini perlulah memohon sebarang pelan asas Takaful Keluarga bersama-sama dengan pelan IMATP.**
13. Bolehkah seorang peserta baru memohon pelan IMATP tanpa menyertai pelan asas Takaful Keluarga  
**Tidak boleh, pemohon perlulah menyertai salah satu pelan asas takaful Keluarga seperti IST sebelum menyertai IMATP.**
14. Sekiranya peserta telah menyertai pelan asas Takaful Keluarga sebelum ini, adakah permohonan IMATP secara automatik diluluskan oleh Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan Takaful  
**Tidak semestinya, peserta masih perlu melalui proses pengunderaitan seperti pemeriksaan kesihatan serta pengunderaitan kelas pekerjaan.**
15. Sekiranya permohonan baru pelan asas Takaful Keluarga dikenakan sumbangan tambahan (loading) kerana masalah kesihatan peserta, apakah yang bakal berlaku kepada permohonan IMATP?  
**Peserta akan dilindungi dibawah pelan asas takaful keluarga tetapi bagi permohonan IMATP akan ditolak manakala sumbangan tahunan yang telah dicarum bagi IMATP akan dikembalikan kepada peserta.**
16. Adakah borang cadangan khusus diperlukan untuk mendapatkan pelan IMATP, atau menggunakan borang cadangan yang sedia ada ?  
**Ya, terdapat borang yang khusus untuk mendapatkan pelan ini yang boleh diperolehi dari Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan Takaful Am**
17. Berapa cepatkah sijil takaful ini dapat dikeluarkan oleh pihak syarikat?  
**Tempoh untuk mendapatkan sijil takaful ialah selama 14 hari waktu bekerja.**
18. Adakah sebarang had bagi kelas pekerjaan dikenakan oleh seseorang bakal peserta untuk menyertai pelan ini?  
**Ya, terdapat had bagi kelas pekerjaan yang tertentu, sila rujuk dengan Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan.**
19. Apakah mod sumbangan yang dibenarkan didalam pelan IMATP dan pelan asas Takaful Keluarga?  
**Mod sumbangan yang dibenarkan bagi pelan IMATP ialah sumbangan secara tahunan sahaja manakala pelan asas Takaful Keluarga hanya dibenarkan secara suku tahun, setengah tahun dan tahunan sahaja.**
20. Apakah kaedah pembayaran sumbangan yang dibenarkan kepada peserta bagi mendapatkan pelan ini?  
**Kaedah pembayaran yang dibenarkan kepada peserta ialah bayaran tunai di kaunter perkhidmatan pelanggan, kad kredit, cek, pembayaran dikaunter Maybank, arahan tetap serta perbankan internet.**
21. Bolehkah peserta membuat caruman melalui potongan BPA atau Autodebit bank untuk menyertai pelan IMATP serta pelan asas Takaful Keluarga ini?  
**Boleh, dengan syarat peserta perlulah membuat caruman awal sebanyak tiga bulan pertama bagi sumbangan pelan asas Takaful Keluarga tetapi bagi IMATP sumbangan mestilah secara tahunan sahaja.**

22. Berapa peratuskah jumlah sumbangan tambahan (loading) yang dikenakan oleh pihak Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan bagi seorang bakal peserta yang pernah mempunyai sejarah kesihatan yang tidak memuaskan?  
**Sumbangan tambahan (loading) yang dikenakan oleh pihak Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan bagi bakal peserta tertakluk kepada tahap kesihatan seseorang individu serta tertakluk kepada keputusan Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan Takaful Am.**
23. Bilakah perlindungan pelan ini berkuatkuasa?  
**Perlindungan pelan ini berkuatkuasa hanya dalam masa 30 hari melainkan kecederaan akibat kemalangan.**
24. Apakah akibat yang perlu diketahui oleh peserta sekiranya maklumat penting seperti kesihatan tidak diberitahu sepenuhnya kepada Jabatan Perniagaan Baru & Pengunderaitan?  
**Perlindungan tidak akan diberikan kepada mana-mana peserta yang gagal menunjukkan bukti kesihatan yang sebenar.**
25. Pihak manakah yang perlu menanggung kos duti setem dalam melaksanakan pelan ini?  
**Peserta yang perlu menanggung kos duti setem di dalam pelan ini.**
26. Adakah sumbangan /caruman bagi pelan IMATP ini dibuat secara bulanan?  
**Tidak boleh. Hanya bayaran tahunan sahaja dibenarkan.**
27. Perlukah pemeriksaan kesihatan dilakukan oleh bakal peserta sebelum memohon pelan perlindungan ini?  
**Ya, bergantung kepada syarat pengunderaitan pihak syarikat.**
28. Adakah seseorang itu layak memohon pelan ini jika sudah menjalani pembedahan seperti pintasan jantung?  
**Peserta masih layak memohon akan tetapi tertakluk kepada syarat pengunderaitan pihak syarikat.**
29. Bolehkah atlit atau ahli sukan menyertai pelan ini?  
**Boleh, tertakluk kepada sukan yang diceburi dan juga tertakluk kepada syarat pengunderaitan pihak syarikat.**
30. Adakah Borang Pencarian Fakta Pelanggan Perlu diisi?  
**Ya, bagi menyertai pelan asas Takaful Keluarga manakala bagi permohonan IMATP tidak perlu mengisi Borang Pencarian Fakta Pelanggan.**
31. Berapa harikah tempoh bertenang yang diberikan oleh peserta dalam menyertai pelan ini?  
**Tempoh bertenang yang diberikan selama 15 hari kepada peserta.**
32. Bagaimanakah caranya untuk memperbaharui pelan ini, sekiranya ianya perlu diperbaharui setiap tahun?  
**Peserta mempunyai pilihan untuk memperbaharui pelan ini setiap tahun. Oleh itu, pihak syarikat akan menghantar notis 3 bulan sebelum tempoh tamat dan para peserta mestilah membuat pembayaran sebelum tempoh tamat tersebut.**
33. Adakah sumbangan pelan ini akan meningkat seiring dengan peningkatan usia peserta?  
**Tertakluk kepada umur hari jadi akan datang (UHAD) yang terkandung di dalam kontrak pembayaran.**

34. Apakah sebab-sebab yang menyebabkan pelan ini tidak dapat diperbaharui oleh peserta?  
**Di antara sebab pelan ini tidak dapat diperbaharui ialah tiada pembayaran dibuat oleh peserta dan juga penarikan balik pelan tersebut oleh syarikat merupakan faktor-faktor pelan ini tidak dapat diperbaharui.**
35. Adakah sebarang jaminan yang diberikan oleh pihak syarikat kepada peserta untuk memperbaharui pelan ini pada setiap tahun?  
**Pembaharuan pelan ini adalah dijamin sepenuhnya oleh pihak syarikat.**
36. Bolehkah peserta yang menyertai pelan ini membuat sebarang pindaan peningkatan manfaat pelan di dalam IMATPini?  
**Boleh, tertakluk kepada syarat pengunderaitan semula.**
37. Sekiranya peserta ingin berhenti daripada menyertai pelan ini, berapakah jumlah yang akan diperolehi oleh peserta tersebut?  
**Peserta perlulah memberikan notis bertulis kepada pihak syarikat tertakluk tiada tuntutan dilakukan pada ketika pemberhentian, jumlah peratusan yang akan diterima boleh dirujuk didalam fasal "Pembatalan Sijil" yang terkandung di dalam kontrak.**
38. Bolehkah pelan ini disertakan dengan pelan sedia ada seperti IST, IWT atau ILT yang telah berkuatkuasa selama 2 tahun?  
**Boleh, tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan pihak syarikat.**
39. Berapa banyakkah hospital panel yang terlibat dalam menyediakan perlindungan bagi pelan ini?  
**Setakat ini lebih kurang 88 buah hospital panel yang dilantik dalam pelan ini.**
40. Seandainya kad perubatan yang diperolehi oleh peserta ini rosak seperti kad ATM rosak, adakah denda atau caj dikenakan untuk mendapatkan semula kad yang baru?  
**RM10 akan dicaj kepada mana-mana kad yang hilang ataupun mengalami kerosakan.**
41. Apakah yang perlu dilakukan oleh peserta bagi pelan ini sekiranya kad perubatan ini hilang?  
**Peserta dikehendaki membuat laporan ke Jabatan Perniagaan Baru dan Jabatan Pengunderaitan Takaful Am, Takaful Ikhlas Sdn Bhd.**
42. Sekiranya kad perubatan ini hilang dalam waktu kecemasan, apakah prosedur bagi mendapat perlindungan di hospital panel bagi mendapatkan rawatan?  
**Tiada masalah untuk mendapatkan rawatan. Pihak hospital akan membuat semakan dengan pihak Asia Assisstance Network, sekiranya peserta tersebut dilindungi maka pihak TISB akan membuat pembayaran. Jika tidak, semua kos rawatan ditanggung oleh pesakit itu sendiri.**
43. Bagaimanakah prosedur penyerahan semula skim ini?  
**Menyerahkan kad serta sijil ke Jabatan Perniagaan Baru dan Jabatan Pengunderaitan Takaful Am, Takaful Ikhlas Sdn Bhd.**
44. Apakah perbezaan pelan kad perubatan ini dengan syarikat insurans atau syarikat takaful yang lain?  
**Di antara perbezaan pelan kad perubatan syarikat lain ialah mod bayaran sumbangan boleh dilakukan secara bulanan.**

45. Adakah semua jenis pembedahan dilindungi didalam pelan ini?  
**Semua jenis pembedahan yang dilindungi didalam pelan ini tertakluk kepada pengecualian terdapat didalam pelan ini.**
46. Bagaimanakah pelaksanaan pelan ini mengikut Model Wakalah?  
**Perlaksanaan pelan ini sama seperti pelan Takaful Am yang lain.**
47. Apakah jenis-jenis kemalangan yang dilindungi didalam pelan ini?  
**Semua jenis kemalangan yang dilindungi didalam pelan ini tertakluk kepada pengecualian yang terdapat didalam pelan ini.**
48. Adakah perlindungan manfaat perubatan pergigian terdapat di dalam pelan ini?  
**Ya, tetapi disebabkan oleh kemalangan sahaja.**
49. Adakah rawatan pesakit luar di klinik dilindungi di dalam pelan ini?  
**Tidak.**
50. Adakah manfaat elaun kemasukan harian ke hospital diberikan di dalam pelan ini?  
**Manfaat elaun kemasukan ke hospital hanya dibenarkan apabila peserta dimasukkan ke dalam Hospital Kerajaan bermula dari hari pertama kemasukan sehingga hari terakhir dibenarkan keluar sahaja.**
51. Sekiranya peserta menghidap demam denggi, adakah ianya dilindungi di dalam pelan ini?  
**Ya, sekiranya peserta dimasukkan ke dalam hospital.**
52. Adakah dengan kad ini akan menguntungkan kedua-dua belah pihak iaitu pihak syarikat dan pihak peserta?  
**Ya, kad ini bukan tujuan untuk mengaut keuntungan tetapi lebih kepada memberi bantuan kepada pihak peserta. Pihak syarikat akan meringankan bebanan kos perubatan pesakit manakala pesakit pula akan mendapat manfaat perkhidmatan perlindungan rawatan & perubatan kerana adanya jaminan pembayaran kos.**
53. Berapakah pilihan pelan yang terdapat didalam Ikhlas Medic Assist Takaful?  
**5 jenis pelan iaitu pelan A sehingga pelan E**
54. Adakah pelan ini memberikan perlindungan menyeluruh kepada pasangan, anak-anak serta ibubapa?  
**Tidak, pelan ini hanya diberikan kepada individu peserta yang menyertai pelan ini sahaja.**
55. Adakah pelajar sekolah rendah dibenarkan menyertai pelan ini?  
**Ya, sila rujuk “Jadual Kadar Sumbangan” untuk mengetahui kadar sumbangan pelajar sekolah rendah.**
56. Seandainya terlalu ramai peserta yang membuat tuntutan dan didapati peruntukan terhadap produk ini telah habis, jadi bagaimana pihak syarikat menyelesaikan masalah ini?  
**Pemegang saham akan memberikan pinjaman secara Qardhul Hassan. Jika terdapat pengurangan didalam peruntukan tuntutan, nilai caruman akan dikaji semula.**

57. Adakah manfaat kehamilan kepada peserta wanita termasuk dalam manfaat pelan ini?  
**Tidak, manfaat kehamilan termasuk di dalam “major limitations” iaitu pengecualian perlindungan utama.**
58. Bilakah tempoh matang pelan ini?  
**la merupakan pembaharuan secara tahunan sehingga umur 70 tahun**
59. Apakah pengecualian-pengecualian yang terdapat dalam pelan ini?  
**Di antara pengecualian-pengecualian yang terdapat di dalam sijil ialah peserta telah mempunyai penyakit sedia ada, apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan dan lain-lain lagi, sila rujuk risalah pelan takaful untuk maklumat lanjut.**
60. Adakah pelan ini dilindungi jika berada diluar negara?  
**Ya, perlindungan jika berada diluar negara adalah sehingga 90 hari.**
61. Adakah kos pembedahan bagi pembetulan struktur muka disebabkan kemalangan dilindungi di dalam pelan ini?  
**Ya, sekiranya disebabkan kemalangan.**
62. Adakah pembedahan membetulkan rabun jauh dan dekat ( Lasik ) dilindungi di dalam pelan ini?  
**Tidak.**
63. Apakah yang boleh dilakukan oleh peserta sekiranya memerlukan rawatan hospital tetapi berada di luar negara pada ketika itu?  
**Peserta terlebih dahulu perlu membayar dengan wang sendiri dan tuntutan boleh dilakukan apabila kembali ke Malaysia.**
64. Jika peserta tidak dapat dimasukkan ke dalam hospital panel kerana semua bilik penuh, adakah peserta dibenarkan untuk pergi ke hospital bukan panel?  
**Peserta dibenarkan untuk berbuat demikian tertakluk kepada had yang dibenarkan didalam pelan yang dipilih.**
65. Bagaimana proses tuntutan setiap manfaat yang terdapat di dalam pelan ini?  
**Panel : Peserta perlu membawa kad pengenalan dan kad perubatan sahaja kemudian tunjukkan kepada pihak hospital untuk tindakan lanjut.  
Bukan panel : Peserta perlu membayar kos rawatan tersebut dengan wang sendiri kemudian membuat tuntutan kepada pihak Jabatan Tuntutan Takaful Am, Takaful Ikhlas**
66. Berapa cepatkah proses tuntutan bayaran balik kepada peserta oleh pihak syarikat?  
**Proses tuntutan mengambil masa selama 14 hari waktu bekerja.**
67. Adakah sebarang had tuntutan yang dikenakan bagi setiap manfaat perlindungan yang terdapat di dalam pelan ini?  
**Had tuntutan bergantung kepada jenis pelan yang telah disediakan oleh pihak Takaful Ikhlas.**
68. Bagaimana caranya peserta pelan ini untuk menghubungi *Third Party Administrator* (TPA)?  
**Peserta tidak perlu menghubungi TPA, sebaliknya hospital panel yang terlibat akan membantu peserta untuk menghubungi pihak TPA untuk urusan kemasukan ke hospital.**

69. Sekiranya seorang peserta mempunyai kad perubatan dari syarikat insurans yang lain bolehkah peserta membuat tuntutan daripada syarikat insurans dan Takaful Ikhlas pada masa yang sama?  
**Jika peserta mempunyai perlindungan yang sama dari syarikat insurans yang lain, maka tuntutan terhadap TISB juga boleh dibuat. TISB akan membayar lebih tuntutan sahaja daripada jumlah kos rawatan tersebut setelah ditolak dengan jumlah tuntutan dari syarikat insurans tersebut.**
70. Bagaimana jika sesuatu kawasan berkenaan tiada kemudahan hospital panel untuk mendapatkan kemudahan perlindungan pelan ini?  
**Peserta terpaksa menggunakan perkhidmatan hospital bukan panel dan perlu membuat bayaran terlebih dahulu menggunakan wang sendiri kemudian boleh membuat tuntutan kepada pihak TISB.**
71. Sekiranya seorang peserta pelan ini dimasukkan ke hospital kerajaan apakah yang perlu dilakukan oleh beliau?  
**Peserta perlu membuat pembayaran dengan wang sendiri terlebih dahulu. Kemudian tuntutan boleh dibuat kepada TISB setelah mengisi borang tuntutan khas dan menyertakan bukti-bukti seperti bil-bil kos rawatan yang asal.**
72. Adakah Sijil Perubatan (MC) boleh dituntut dalam pelan ini?  
**Tuntutan untuk Sijil Perubatan tidak termasuk di dalam pelan ini.**
73. Berapakah had tuntutan bagi satu-satu manfaat yang terdapat didalam pelan ini?  
**Had tuntutan bergantung kepada jenis pelan yang diambil serta had maksima yang telah ditetapkan di dalam pelan, sila rujuk risalah pelan untuk maklumat lanjut.**
74. Jika tidak berlaku apa-apa tuntutan adakah wang sumbangan akan dikembalikan kepada peserta?  
**Tidak. Semua sumbangan adalah berdasarkan kepada konsep *tabarru'*.**
75. Bagaimana jika bil hospital melebihi nilai maksima perlindungan?  
**Pihak TISB akan memberi perlindungan hanya kepada jumlah yang terkandung di dalam jadual sahaja, selebihnya peserta sendiri yang perlu menanggung kos rawatan tersebut.**
76. Bagaimanakah cara untuk memohon bayaran balik tuntutan sekiranya pelan ini membenarkan peserta mendapatkan di hospital bukan panel?  
**Peserta boleh menuntut semula (reimbursement) kos rawatan tersebut dengan cara :  
Mengisi borang tuntutan yang disediakan.  
Sertakan bil-bil rawatan yang asal.  
Tempoh menunggu selama 10 hari waktu bekerja.**
77. Adakah pelan ini menepati konsep syariah?  
**Ya, sudah semestinya pelan ini menepati kehendak Syariah.**
78. Bagaimana pihak syarikat dapat memastikan pelan ini betul-betul tiada unsur riba dan gharar?  
**Pelan ini tidak mempunyai unsur-unsur riba, gharar dan maisir kerana pelan ini dibangunkan berasaskan prinsip dan asas takaful iaitu Prinsip Tabbaru' selaras dengan kehendak syariah.**

79. Tidakkah ia menjadi unsur perjudian, seandainya peserta menyumbangkan RM100.00 sebulan tetapi peserta tersebut membuat tuntutan sebanyak RM1,000.00? Bagaimana perkara ini dapat dijelaskan ?

**Tidak kerana asas kontrak produk takaful termasuk produk Medic Assist ini ialah kontrak tabarru' iaitu peserta bersetuju untuk menyumbang kepada tabung dengan tujuan untuk membantu peserta lain. Oleh itu, tidak wujud elemen gharar, maisir dan riba.**

80. Bolehkah sumbangan bagi pelan ini mendapat pelepasan cukai pendapatan yang tertakluk di bawah RM 3,000 setahun dibawah Sistem Taksiran Sendiri (STS) oleh pihak LHDN?

**Boleh.**

81. Berapakah jumlah komisen bagi pelan IMAT ini?

**10% daripada sumbangan**

82. Adakah pembaharuan selepas tamat tempoh dibenarkan?

**Sebaiknya peserta hendaklah memperbaharui pelan ini sebelum atau pada tarikh tamat tempoh. Sekiranya peserta gagal berbuat demikian, pihak syarikat memberi peluang selama 14 hari lagi untuk peserta memperbaharui. Dalam tempoh 14 hari tersebut peserta tidak mendapat manfaat perlindungan daripada pelan ini.**

83. Bagaimana dengan pengiraan FYC?

**Tiada pengiraan FYC untuk produk ini kerana ia di bawah takaful am.**

84. Adakah logo Takaful Ikhlas diletakkan di dalam kad?

**Ya, logo Takaful Ikhlas akan diletakkan di dalam kad tersebut.**

85. Apakah yang akan berlaku jika pelan asas Takaful Keluarga mengalami keadaan tanpa bayaran (lapse)?

**Jika pelan asas Takaful Keluarga (lapse) ianya akan menjejaskan pembaharuan IMAT pada tahun berikutnya, sebaiknya kedua-dua pelan ini (Takaful Keluarga & IMAT) hendaklah berkuatkuasa bersama-sama agar peserta mendapat manfaat dari kedua-dua pelan ini.**

86. Adakah sebarang insentif yang akan dilancarkan oleh pihak syarikat dalam memasarkan pelan IMAT ini?

**Ya, sila tunggu memo yang akan dikeluarkan oleh pihak syarikat.**